

Masih ada kanak-kanak tercicir pembelajaran

Eksklusif

- Kaji selidik Jabatan Perangkaan Malaysia pada 2019 mendapati hanya 22.1 peratus daripada 560,000 pelajar lepasan SPM melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.
- Purata tahun persekolahan bagi pelajar di Malaysia menurun kepada kedudukan 59 pada 2019 berbanding 49 pada 2018 dan 2017. Ini bermakna, purata pelajar di Malaysia hanya bersekolah sehingga Tingkatan 4 atau usia 16 tahun.

Oleh Suzalina Halid → Nasional 2



5.8 peratus rakyat Malaysia tidak pernah bersekolah

Kajian dapati 72.1 peratus enggan sambung pelajaran selepas SPM

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Masih ada sebilangan kanak-kanak dan remaja di negara ini tidak pernah bersekolah atau tidak mempunyai pendidikan langsung sehingga dikhuatiri menjadi golongan yang tercicir daripada peningkatan kemahiran serta menjejaskan bekalan tenaga kerja negara.

Ia adalah hasil kaji selidik Jabatan Perangkaan Malaysia pada 2019 yang mendapati 5.8 peratus daripada kira-kira 32 juta populasi rakyat Malaysia tidak bersekolah atau tercicir daripada sistem pendidikan negara.

Kaji selidik mengenai tenaga buruh itu disalurkan kepada Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa

Bersatu (UNESCO) sebelum diterbitkan di bawah Laporan Daya Saing Global 2019 oleh World Economic Forum dengan Perbadanan Produktiviti Malaysia adalah rakan institutnya.

Pengarah Bahagian Pembangunan, Produktiviti dan Daya Saing MPC, Mohamad Muzaffar Abdul Hamid, berkata kaji selidik membabitkan responden berusia 15 hingga 64 tahun itu bagi mengetahui prestasi pencapaian pendidikan rakyat Malaysia.

Beliau berkata, hasil dapatan itu turut membimbangkan apabila sebahagian besar iaitu 72.1 peratus daripada rakyat negara ini juga memilih untuk tidak melanjutkan pelajaran ke peringkat

lebih tinggi selepas Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Beri kesan produktiviti negara
Sehubungan itu, katanya, peratusan itu dikhuatiri memberi kesan terhadap produktiviti negara apabila peluang pekerjaan yang dicipta dalam negara tidak mampu diisi orang muda tempatan.

"Kita percaya golongan yang tidak bersekolah ini terdiri daripada keluarga susah, sebilangannya masyarakat Orang Asli dan masyarakat asal Sabah serta Sarawak," katanya kepada *BH*.

Mengulas lanjut, Mohamad Muzaffar berkata, sekiranya masih ramai pekerja yang mempunyai kemahiran yang rendah, ia

menyebabkan produktiviti, inovasi dan daya saing menurun.

"Ini tentu menyebabkan peluang pekerjaan baharu sukar diwujudkan dan kesan terhadap gaji pekerja yang rendah.

"Berbanding tenaga kerja yang berkemahiran tinggi, ia mempunyai peluang pekerjaan yang menawarkan upah yang tinggi seterusnya melonjakkan produktiviti serta inovasi.

"Apabila daya saing negara tinggi, ini akan memberikan kualiti kehidupan yang lebih baik kepada rakyat dan kemakmuran bersama," katanya.

Mohamad Muzaffar juga berkata, kajian turut merekodkan hanya 22.1 peratus pelajar melanjutkan pengajian ke peringkat

"Kita percaya golongan yang tidak bersekolah ini terdiri daripada mereka yang lahir daripada keluarga yang susah, sebilangannya masyarakat Orang Asli dan masyarakat asal Sabah serta Sarawak"

Mohamad Muzaffar Abdul Hamid,
Pengarah Bahagian Pembangunan, Produktiviti dan Daya Saing MPC




lebih tinggi selepas tamat SPM.

"Contohnya, dalam satu kohort SPM pada 2019, ada 560,000 yang mengambil peperiksaan, namun hanya kira-kira 170,000 sahaja yang menyambung pengajian ke peringkat seterusnya," katanya.

Pada masa sama, purata tahun persekolahan bagi pelajar di Malaysia juga dikesan menurun di mana berdasarkan laporan global itu, Malaysia berada pada kedudukan 59 pada 2019 berbanding 49 pada 2018 dan 2017.

Beliau berkata, purata tahun persekolahan Malaysia adalah 10.2 tahun berbanding Singapura pada kedudukan 32 iaitu 11.9 tahun; Australia (12.4 tahun) dan United Kingdom (13.2 tahun).

Katanya, ia bermaksud purata pelajar di Malaysia hanya mengahibiskan persekolahan pada tingkatan empat atau usia 16 tahun.



Hanya 22.1 peratus pelajar melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi selepas tamat SPM.

(Foto hiasan)